

Perutusan Sempena Hari Kemerdekaan Negara Yang Ke-44

Radio Dan Televisyen Malaysia, 30 Ogos 2001

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana esok genaplah 44 tahun negara kita mencapai kemerdekaan. Sekali lagi kita sebagai rakyat Malaysia dapat merayakannya dalam keadaan aman, meriah dan bersatu padu.

2. Semua rakyat Malaysia sudah tentu berasa bertuah dan bersyukur kerana di dalam masa yang singkat, negara kita telah berjaya mencapai tahap kemajuan yang amat membanggakan. Negara kita juga aman dan mampu menangkis bermacam-macam serangan ke atas ekonomi dan politiknya. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang Maha Berkuasa.

3. Mentadbir sebuah negara berbilang kaum, berbilang agama, budaya dan bahasa bukanlah sesuatu yang mudah. Negara yang diduduki oleh satu kaum pun tidak mudah ditadbir. Tetapi dengan kerjasama rakyat Malaysia daripada semua kaum, pentadbiran yang berkesan dapat diadakan. Demikian kejayaan kita sehingga hari ini kita menjadi negara membangun yang termaju dan dianggap sebagai contoh kepada negara-negara membangun yang lain.

4. Pembangunan di Malaysia adalah menyeluruh. Tahap kemiskinan hanya 5.5 peratus sahaja. Kawasan-kawasan luar bandar dibekal dengan air dan elektrik, jalan bertar, sekolah dan klinik perubatan dan kemudahan telefon. Sudah tentu masih ada tempat-tempat yang terpencil terutama di Sabah dan Sarawak yang masih belum mempunyai kemudahan yang disebut tetapi kita merancang untuk membekal kemudahan ini secepat mungkin. Kita tidak mungkin hidup dengan cara asli kita tetapi perlu berubah untuk menikmati kemudahan yang canggih dan moden.

5. Bandar-bandar kita sudah berubah menjadi bandar yang maju dengan mempunyai semua kemudahan yang didapati di negara maju.

6. Sebenarnya bandar-bandar kita sudah bertaraf bandar negara maju. Pelawat yang datang ke Kuala Lumpur, ibu kota negara, mendakwa Malaysia adalah negara maju dan bukan negara dunia ketiga. Segala kemudahan yang ada di bandar-bandar moden di dunia ada di Kuala Lumpur. Keretapi elektrik, LRT, jalan bertingkat, pusat beli-belah yang memasarkan barangan dari seluruh dunia, bangunan pencakar langit yang tertinggi di dunia, taman-taman yang indah dan lampu-lampu yang terang-benderang - semuanya ada di Kuala Lumpur. Di bandar-bandar lain di Malaysia juga demikian.

7. Ya, memang benar kita juga ada setingan yang tinggal di rumah tanpa elektrik dan air, kawasan yang kotor dengan

sampah-sarap, jalan yang tidak bertar dan becak. Memang setinggalan miskin. Tetapi tidak kurang pula terdapat rumah setinggalan yang mempunyai siaran ASTRO dan kereta bermotor diletak di depan rumah. Dan ramai juga yang enggan berpindah apabila disediakan dengan rumah kos rendah yang mempunyai cukup kemudahan. Jika mereka, setinggalan di Kuala Lumpur terutamanya, sanggup berpindah, mereka tidak akan menjadi tandatanya sama ada bandar kita benar maju. Insya-Allah, dengan usaha yang sedang dibuat untuk mengadakan rumah murah untuk semua setinggalan, kita akan selesaikan masalah ini. Dengan itu tidak akan ada rakyat Malaysia yang menidakkan kemajuan yang dicapai oleh negara kita kerana adanya setinggalan, kerana adanya rakyat yang miskin di negara yang begitu maju ini. Sebenarnya tidak ada negara yang maju di dunia yang tidak mempunyai rakyat yang miskin dan merana. Oleh itu janganlah menidakkan kemajuan yang telah kita capai dengan menimbulkan kemiskinan golongan tertentu. Sebaliknya pencemuh yang terdiri daripada rakyat Malaysia perlu bertanya kenapakah ada rakyat Malaysia yang miskin sedangkan hampir dua juta orang asing yang berjaya meraih pendapatan yang lumayan bagi diri mereka. Tidak mungkinkah kita mengganti dan membuat kerja-kerja yang dibuat oleh orang asing ini dan meraih pendapatan yang baik bagi kita? Kenapakah ada pengangguran di kalangan rakyat Malaysia sedangkan peluang kerja dapat menampung keperluan rakyat asing? Sebenarnya jika kita sanggup merebut hanya sebahagian sahaja daripada peluang yang terbaik yang ditawarkan, tidak akan ada seorang pun rakyat Malaysia yang akan menganggur.

8. Walau apa pun hakikatnya ialah tidak seperti di negara-negara membangun yang lain, rakyat Malaysia mempunyai pilihan. Mereka boleh pilih untuk bekerja atau tidak bekerja, berpindah atau tidak berpindah, menderita atau tidak menderita. Mereka yang menafikan kemakmuran dan kebahagiaan hidup di Malaysia sebenarnya tidak bersyukur dengan nikmat yang banyak yang ada dalam negara kita ini.

9. Demikian juga dengan mereka yang lain yang sengaja tidak mahu mengiktiraf keIslaman negara Malaysia ini. Kerana ingin memupuk perasaan kebencian kepada musuh politik, mereka menafikan keIslaman Malaysia. Bahawa dunia Islam bukan sahaja mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam, tetapi sebagai negara Islam yang menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain tidak sedikitpun mempengaruhi 'state of denial' atau sikap tidak sanggup mengaku hakikat yang sebenar ditunjuk oleh mereka ini. Kerana kepentingan politik mereka terus menafikan keIslaman Malaysia.

10. Mereka mungkin memandang ringan terhadap penafian mereka akan keIslaman Malaysia. Mereka mungkin anggap ianya hanyalah satu strategi untuk mengalahkan musuh politik mereka dan tidak

lebih daripada itu, tetapi ada antara anggota kumpulan mereka yang benar-benar percaya dakwaan mereka dan ingin mengguna kekerasan dan keganasan untuk menjatuhkan pemerintahan yang ada sekarang. Bagi kumpulan ini pembentukan negara Islam mereka melalui proses demokrasi tidak memadai. Mereka ingin membunuh, mengganas dan mendapat bantuan daripada fanatik-fanatik asing untuk menjayakan usaha mereka. Kegiatan mereka ini berjaya menghalang pembangunan negara-negara Islam, menjadikan mereka lemah dan tidak mampu menyelamatkan negara dan umat Islam. Sesungguhnya puak ini adalah pengkhianat kepada agama Islam dan umat Islam.

11. Walau parti tidak terlibat secara langsung tetapi pengikut yang fanatik dari parti ini mengadakan pasukan-pasukan ketenteraan kononnya untuk merebut kuasa dan menggulingkan Kerajaan yang sah. Mereka meyakinkan diri mereka bahawa apabila mereka melancarkan serangan mereka maka rakyat akan bangun menyokong mereka. Mereka juga meyakinkan diri mereka bahawa mereka mempunyai kuasa ghaib yang menjadikan mereka kebal dan selamat daripada peluru dan senjata lain. Mereka menghalalkan keganasan mereka kerana orang yang mereka musuhi sudah tidak Islam lagi atau mengamalkan cara-cara yang bukan Islam. Demikian merompak bank dihalalkan bagi mereka kerana bank mengamalkan sistem riba. Dan banyaklah lagi ajaran sesat yang diterima oleh mereka supaya mereka sanggup melakukan jenayah.

12. Kerana percaya kepada dakwaan pemimpin politik yang berkepentingan, kerana yakin perbuatan mereka dihalalkan, bahkan diwajibkan oleh agama Islam, kerana tidak yakin sistem demokrasi akan berjaya memberi kemenangan kepada puak mereka dan kerana inginkan impian negara Islam khayalan mereka dicapai, hari ini mereka terpaksa menghadapi undang-undang negara bagi orang yang melakukan jenayah bersenjata. Mereka mungkin akan menerima hukuman yang berat setimpal dengan jenayah mereka. Tetapi orang yang telah membakar semangat mereka, yang secara tidak langsung mendalangi keganasan mereka, orang ini akan selamat. Orang ini tidak pun akan mengakui mereka sebagai sebahagian daripada gerakan mereka. Orang ini akan terus menikmati strategi membenci yang diguna oleh mereka untuk kepentingan politik mereka.

13. Tetapi ada juga pihak lain yang menjadi mangsa penafian keIslaman negara Malaysia oleh pihak ini; dan kebencian yang disemai terhadap musuh politik puak ini. Fikiran generasi muda Melayu begitu diganggu oleh perasaan kebencian sehingga mereka tidak dapat menumpu kepada pelajaran dan penguasaan ilmu. Guru-guru dan pensyarah juga tidak dapat menyampaikan pelajaran dan ilmu. Sebaliknya ramai mereka terlibat dengan penyemaian kebencian terhadap pihak tertentu. Yang lebih malang lagi ialah guru-guru agama yang dipertanggungjawabkan

untuk membentuk peribadi Islam yang mulia, mengemaskan pegangan kepada agama, telah ketepikan tanggungjawab ini sehingga aqidah dan iman pelajar dan anak muda menjadi lemah.

14. Dengan itu bukan sahaja ilmu pelajaran tidak diperolehi oleh pelajar-pelajar dan golongan muda, tetapi kefahaman dan pegangan mereka kepada Islam juga turut lemah. Maka berlakulah keruntuhan akhlak dan moral yang ketara sehingga ada yang menolak Islam dan menyembah syaitan, melangkah Al-Quran dan membakarnya, merogol, membunuh, menolak ibubapa dan melakukan jenayah terhadap mereka. Ada antara mereka yang berkelakuan seperti ini yang terdiri daripada penuntut sekolah agama.

15. Negara Malaysia terus maju hasil usaha dan kecekapan kaum-kaum lain tetapi orang Melayu menjadi semakin mundur. Kepercayaan bahawa mereka akan selamat selama-lamanya menyebabkan mereka tidak lagi bersatu untuk mempertahankan kepentingan kaum bangsa mereka. Mereka percaya walau siapa pun menjadi Kerajaan Malaysia layanan baik terhadap mereka akan berterusan. Justeru itu, mereka tidak berusaha untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, dengan kecekapan dan dengan kekuatan politik. Pecah-belah antara mereka semakin buruk sehingga mereka tidak sanggup bertemu dan berbincang tentang masalah dan bahaya yang kaum bangsa mereka sedang dan akan menghadapi.

16. Namun pada tahun ke-44 kita merayakan kemerdekaan kita, kita masih boleh gembira. Majoriti rakyat masih tahu bersyukur dan sedar akan nikmat hidup di Malaysia. Negara kita masih aman. Ekonomi negara masih baik dan hubungan antara kaum masih harmoni. Kita bebas daripada cengkaman agensi-agensi antarabangsa dan kuasa besar. Ringgit kita stabil dan mempunyai nilai yang berpatutan; tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah. Rizab negara mampu menampung lebih daripada tiga bulan nilai import. Pasaran saham juga sihat dan inflasi kurang daripada tiga peratus.

17. Kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat mempunyai kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara tetapi tidaklah sehingga berlaku resesi. Suntikan modal sebanyak RM3 bilion akan membantu pertumbuhan ekonomi negara dari dalam.

18. Walaupun eksport ke negara-negara maju telah menurun, usaha sedang giat dibuat untuk mendapat pasaran baru. Tanda-tanda menunjukkan yang negara-negara Asia Barat dan Afrika dapat dibangunkan sebagai pasaran baru bagi eksport negara. Yang lebih baik ialah pasaran baru ini akan menerima barangan buatan Malaysia yang bukan elektronik. Lagipun barang-barang ini adalah keluaran syarikat-syarikat tempatan.

19. Sesuatu yang menggembirakan ialah pertumbuhan jumlah pelancong yang datang ke Malaysia. Dalam empat bulan pertama tahun ini jumlah pelancong melebihi satu juta tiap bulan. Dan ramai pelancong ini datang dari negara-negara Arab. Mereka tinggal lebih lama daripada pelancong lain dan ini adalah lebih baik daripada jumlah pelancong yang tinggi tetapi hanya tinggal 3 - 4 hari.

20. Hubungan luar Malaysia sudah menjadi bertambah baik. Malaysia sekarang terkenal di seluruh dunia. Negara-negara membangun melihat Malaysia sebagai contoh bagi mereka. Demikianlah kehormatan yang diberi kepada Malaysia sehingga jumlah perwakilan asing yang ditauliahkan ke Malaysia sudah melebihi seratus negara, dengan lebih daripada 80 bermastautin di Kuala Lumpur. Pemimpin-pemimpin negara asing sering membuat lawatan rasmi dan tidak rasmi ke Malaysia untuk menjalin hubungan yang erat dengan kita dan bekerjasama dengan kita dalam arena antarabangsa.

21. Kita tidak memihak kepada mana-mana blok tetapi berbaik-baik dengan semua negara di dunia. Sikap bebas kita dan kelantangan kita menyuarakan ketidakadilan yang berlaku dalam dunia kadang-kadang tidak disenangi oleh pihak tertentu. Media asing terutamanya tidak mempunyai apa-apa pandangan yang baik terhadap kita. Mereka sering memburukkan imej negara kita, mencemuh kita dan mencuba memesonkan pandangan pelabur dan pelancong daripada kita. Usaha mereka berjaya juga tetapi semakin ramai yang tidak lagi percaya akan imej buruk yang diberi oleh media asing kepada kita. Mereka yang datang ke Malaysia melihat dengan sendiri akan betapa tidak tepat laporan media terhadap kita dan mereka dapat memperbetulkan imej Malaysia di kalangan rakan dan kenalan mereka.

22. Negara-negara yang pada tahun 1998 mencemuh kita kerana kononnya kita tidak demokratik, tidak adil dan sebagainya, hari ini berusaha memperbaiki hubungan mereka dengan kita. Masalah tertentu sudah tidak lagi disebut oleh mereka. Kebanyakan daripada mereka sekarang mengakui kebenaran dan kewarasan tindakan kita dan pegangan kita kepada prinsip 'the rule of law' dan undang-undang Malaysia yang tidak memilih bulu. Semua rakyat Malaysia adalah sama daripada segi undang-undang dan kedudukan tinggi seseorang tidak memberi apa-apa keistimewaan kepadanya.

23. Negara-negara yang mengharap bahawa kejatuhan Kerajaan Malaysia akan memberi peluang kepada calon mereka mendapat kuasa, hari ini sedar bahawa yang mungkin mendapat kuasa dan mengganti Kerajaan Malaysia ialah puak ekstremis yang memeralatkan Islam dan hubungan mereka dengan puak ekstremis ini tidak mungkin lebih baik daripada hubungan dengan

pemerintah yang ada sekarang. Realiti ini mengecewakan mereka dan usaha memburukkan Kerajaan Malaysia sudah berkurangan.

24. Malaysia adalah negara demokratik. Rakyat Malaysia sahaja yang berhak menentukan siapa yang akan memerintah negara bertuah ini. Walaupun agama Islam boleh disalahtafsir untuk menipu rakyat supaya menyokong pihak tertentu, tetapi rakyat semakin sedar akan penyalahgunaan agama. Sehingga ke hari ini cabaran supaya dijelaskan secara terperinci akan negara Islam yang kononnya hendak didirikan tidak terjawab. Mendakwa bahawa negara Islam yang akan didirikan ialah yang mematuhi ajaran Islam yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadis tidak dapat diterima kerana Al-Quran dan Hadis tidak menyuruh orang Islam tolak persaudaraan sehingga tidak pun sanggup berjumpa dan berbincang tentang masalah pertahanan umat Islam di Malaysia, tidak menyuruh orang Islam mengkafirkan orang Islam lain dengan sebab tidak menyertai kumpulan mereka, tidak menyuruh orang Islam melempar fitnah bertalu-talu kepada orang Islam lain dan bermacam lagi larangan dalam Islam yang tidak diendahkan. Juga soalan sama ada hanya mahkamah syariah sahaja yang akan dibenar dan mahkamah sivil dihapuskan tidak juga dijawab.

25. Demokrasi adalah ciptaan manusia dan ianya tidak bebas daripada kecacatan. Banyak sudah negara yang menjadi tidak stabil dan tidak dapat dibangunkan kerana penerimaan sistem demokrasi. Negara-negara demokrasi Barat tahu mengawal diri dan mengadakan hanya dua atau tiga parti sahaja. Tetapi mereka menggalakkan negara demokrasi yang baru mengadakan banyak parti politik. Dengan itu tidak ada satu parti pun yang bertaraf nasional. Terbahagi kepada terlalu banyak parti, Kerajaan yang berwibawa tidak dapat didirikan. Sudah tentu negara tidak dapat mencapai kestabilan dan pembangunan tidak dapat diadakan.

26. Walaupun di Malaysia terdapat banyak parti politik tetapi parti pemerintah berjaya dicantumkan 13 buah parti dalam sebuah parti campuran. Kerajaan Malaysia memang berwibawa tetapi kawalan yang rapi perlu diadakan supaya pihak yang menyalahgunakan hak dan kebebasan untuk mencetuskan huru-hara dapat dibendung awal.

27. Sementara itu negara terpaksa berhadapan dengan globalisasi. Kita tidak nafi bahawa kemajuan teknologi komunikasi dan kemudahan penerbangan telah menjadikan dunia semakin kecil dan pemisahan antara negara-negara tidak lagi dapat dipertahankan. Namun ini tidak bermakna kita tidak boleh pertahankan kebebasan negara kita. Kita tidak percaya orang asing akan pertahankan kepentingan kita, terutama jika mereka terdiri daripada pedagang wang dan barangan yang mengutamakan keuntungan bagi mereka sahaja. Sementara kita menerima

globalisasi, kita percaya bentuknya masih boleh diperbaiki supaya negara-negara membangun terjamin bahagian mereka daripada oder baru ekonomi dunia yang akan diterima.

28. Sementara itu rakyat negara ini perlu membuat persediaan. Kita perlu menguasai I.T. atau teknologi maklumat dan mahir dengan penggunaan komputer. Kerajaan telah melancarkan beberapa `flagship' projek yang direka untuk memudahkan pentadbiran dan interaksi rakyat dengan Kerajaan supaya kita menjadi lebih efisien. Setakat ini sambutan terhadap Kerajaan elektronik dan kad pintar serbaguna adalah menggalakkan.

29. Insya-Allah rakyat dan Kerajaan akan mampu menangani kehidupan zaman teknologi maklumat, dunia tanpa sempadan dan budaya bebas tanpa sekatan, budaya lucah dan kehidupan tanpa moral yang akan dibawa oleh dunia luar. Ramai yang tidak kuat iman akan tercicir di sepanjang jalan. Tetapi lebih ramai yang akan kekal dengan fikiran yang rasional dan menyumbang kepada ketahanan masyarakat dan negara.

30. Telah 44 tahun negara kita berdaulat dan merdeka. Kita berhak berbangga dengan pencapaian kita. Dan hari ini sempena merayakan ulang tahun kemerdekaan kita, marilah kita memperbaharui komitmen kita untuk terus bersatu padu dan bersama-sama bergerak memajukan dan mempertahankan negara kita Malaysia, sama ada kita daripada kaum Bumiputera mahupun bukan Bumiputera. Malaysia adalah negara kita, hak kita. Marilah kita mempertahankannya agar kita dapat terus merdeka, bebas, berdaulat, maju dan makmur dan terus dihormati oleh masyarakat dunia.

31. Selamat merayakan Hari Kebangsaan yang ke-44. Kepada semua rakyat Malaysia, pasukan keselamatan serta petugas-petugas Kerajaan yang lain, kepada kakitangan Kerajaan dan swasta, pelajar dan penuntut sekolah dan universiti di dalam dan luar negeri, bagi pihak Kerajaan, ingin saya ucapkan berbilang terima kasih kerana sumbangan tidak ternilai terhadap kestabilan, kemajuan dan pembangunan negara yang bertuah dan tercinta ini.

32. Selamat maju jaya dan selamat merayakan hari Kemerdekaan.